

PEMIKIRAN ULAMA PATANI DALAM 'ILM AL-KALAM. SATU ANALISA *

Ahmad Zuhdi Ismail

Kerajaan Patani di Selatan Thai muncul sebagai sebuah kerajaan Islam di Nusantara pada abad ke 13 dan 14 Masihi. Kemunculannya adalah rentetan daripada peristiwa penubuhan kerajaan Islam yang pertama pada abad ke 9 Masihi di Perlak. Rajanya yang pertama ialah Sultan Sayed Maulana Abd Aziz Syah (840-864 M).

Di awal kemunculan kerajaan Islam tidak terdapat karya-karya utama dalam bahasa Melayu-Islam ataupun hasil sumbangan daripada kerajaan Islam yang awal ini. Namun setelah kerajaan Melaka jatuh ketangan Portugis pada tahun 1511 M. Melaka telah muncul sebagai suatu kuasa melayu Islam dan telah menghasilkan pelbagai karya dalam pemikiran Islam yang sesuai dengan masyarakat Melayu di Nusantara. Hampir kesemuanya adalah bentuk terjemahan daripada bahasa Arab kepada Bahasa Melayu.¹

Kesempatan di dalam memperluaskan perkembangan Islam di Nusantara diambil oleh orang-orang Melayu Islam Patani dengan menyumbangkan tulisan-tulisan mereka dalam pelbagai bentuk pemikiran seperti akidah (*usul al-Din*), fekah, tasawuf, akhlak dan sebagainya. Kebanyakan hasil-hasil karya ini disiapkan oleh mereka semasa mereka menuntut pengajian di Mekah.

Karya-karya yang dihasilkan oleh para ulama silam khususnya ulama Patani dalam pelbagai bidang yang berbentuk kitab jawi atau naskah-naskah serta manuskrip-manuskrip Melayu Islam disimpan diperpustakaan-perpustakaan dan muzium di seluruh dunia merupakan khazanah Islam yang sangat berharga.²

Kajian ini hanyalah memfokuskan pengaruh dan pemikiran ulama Patani dalam bidang *ilm al-kalam* disamping itu sumbangan mereka samada dalam bentuk karya-karya seperti kitab-kitab jawi dan sebagainya. Dalam *Ilm al-Kalam* topik yang akan disentuh ialah konsep Tawhid termasuklah sifat dan zat Allah.

Sebelum menyentuh persoalan *ilm al-Kalam*, kajian ini akan menerangkan serba ringkas biodata tokoh ulama Patani.

SYAIKH DAUD B. ABDULLAH AL-FATANI

Nama penuhnya ialah Syaikh Wan Daud b. Syaikh Wan Abdullah b. Syaikh Wan Idris al-Fatani al-Alim al-Allamah al-Araf. Gelaran al-Fatani adalah mengambil sempena tempat kelahiran beliau di kampung Parit Marhum Keresik di Wilayah Patani. Di samping itu juga wilayah Patani merupakan pusat pengajian yang terkenal bagi pelajar-pelajar melayu pada abad ke 19 M. khususnya dari negeri Kelantan, Terangganu dan Kedah. Kepentingan tersebut diakui oleh sarjana barat, Virginia

Metherson dan M.B. Hokker:³

"In the moden world of Islamic writting Pattani is often held us a center of 'Pure' Islamic teaching and scholarship"

Beliau dilahirkan pada tahun 1769 M. Beliau mendapat pendidikan awal tentang ilmu-ilmu keislaman dari lingkungan keluarganya sendiri. Selain daripada itu beliau juga berguru dengan para ulama dari seluruh daerah Keresik. Beliau juga pernah belajar di Aceh selama 2 tahun. Kemudian menetap di Mekah selama 30 tahun dan di Kota Madinah selama 5 tahun.

Di Mekah, beliau mendekati para ulama dari Patani seperti Syaikh Muhamamd Salih b. Abd Rahman al-Fatani yang merupakan salah seorang tokoh sufi. Manakala gurunya Syaikh Ali b. Ishaq al-Fatani dalam bentuk Tarikat Samaniyyah. Gurunya yang lain di Mekah yang lain ialah al-Sayyid al-Syarif Ahmad al-Marzuqi, Syaikh Muhammad Salih b. Ibrahim (Mufti Mekah), Syaikh 'Ata'ullah dan Syaikh Muhammad b. Sulaiman al-Kundi.

Selama 30 tahun di Mekah beliau kembali ke Patani. Tujuannya adalah untuk menyebarkan ilmu pengetahuan. Di samping kepakaran beliau dalam pelbagai ilmu pengetahuan beliau juga merupakan seorang aktivis semasa peperangan di antara kerajaan Siam dengan Patani. Kesan daripada peperangan tersebut beliau dan pengikutnya berpindah ke Pulau Duyung, Terangganu. Seterusnya kembali ke Mekah sebagai pelarian Politik. Disinilah beliau mengajar di Masjid al-Haram sekaligus menghasilkan karya-karya dalam dwi bahasa iaitu bahasa Arab dan Melayu. Karya-karya beliau dalam bahasa Melayu tersebar luas di Asia Tenggara.

Semasa dalam perlindungan politik, beliau mengarang lebih daripada 30 buah Kitab Jawi yang mencakupi pelbagai bidang seperti akidah, fekah, tasawuf, hadith dan sastera.

Beliau merupakan seorang ulama yang terkenal di Patani dalam menulis kitab. Beliau juga merupakan seorang ulama yang pertama menjadi asas dalam sejarah Islam di Patani. Generasi selepasnya membentuk satu rangkaian pemikiran dan penulisan yang sama dengan beliau sehinggalah sekarang. Malangnya kepakaran dan ketokohan beliau dibidang akademik tidak dikenali oleh generasi sekarang walaupun beliau telah memberikan sumbangan yang besar kepada masyarakat Islam di Alam Melayu.⁴

SUMBANGAN SYAIKH DAUD

Syaikh Daud merupakan seorang ulama yang terkenal di Patani di abad ke 19 M.⁵ Dalam bidang akidah atau ilmu al-kalam, belum ada kitab mengenai ilmu usuluddin yang di karang oleh ulama Asia Tenggara yang melebihi karya-karya beliau. Umpamanya kitab *Ward al-Zawahir* dan *al-Dur al-Thamin*. Selain daripada itu beliau juga memperkenalkan risalah-risalah kecil berhubung dengan akidah ataupun usuluddin.

Sarjana Barat M.V. Bruinsessen menjelaskan bahawa jumlah karya Syaikh Daud dalam bidang Usuluddin (*Tawhid*) adalah sangat sedikit jika dibandingkan dengan karyanya dalam bidang Fekah.⁶ Walau bagaimanapun karya-karya tersebut kebanyakannya hanyalah pemaparan terhadap pendapat-pendapat al-Asy'ari tentang sifat-sifat Allah dan para nabi ataupun yang berkaitan dengan ajaran Sifat Dua Puluh.

Pengarang kitab yang produktif pada abad ke 19 M, Syaikh Daud telah mengarang lebih 20 buah kitab di Mekah. Karya beliau yang terkenal ialah *al-Durr al-Thamin* 1232 H/ 1816 M. Manakala untuk *Matlai' al-Badrayn* pula merupakan sebuah kitab yang menyentuh dua aspek iaitu tauhid dan Fekah. (1303 H/ 1885 M) Kitab ini telah digunakan dikebanyakan sekolah agama di Malaysia.⁷

Kitab *Kasyf al-Ghaibiyah* karangan Zayn al-Abidin b. Muhammad al-Fatani 1301 H/1883 M menceritakan tentang penciptaan manusia, Malaikat, Jin dan kehidupan sesudah mati. Beliau juga turut mengarang kitab *Aqidah al-Najin* (1308 H/ 1890 M) merupakan terjemahan dari kitab arab. Antara karya-karya Syaikh Daud ialah :

- 1 **Kifayah al-Muhtaj** (Pencukup keperluan) 1224 H/1809 M.
- 2 **Al-Durr al-Thamin** (Permata berharga) 1232 H/1816 M
- 3 **Diya' al-Murid** (Cahaya tuntutan) tanpa tarikh
- 4 **Ward al-Zawahir** (Bunga-bunga yang menarik) 1238 H/1822M
- 5 **Kasyf al-Gummah** 1238 H/1822 M
- 6 **Al-Bahjat al-Saniyyah** (Seri keelokan) tanpa tarikh.

Secara keseluruhannya karya-karya Syaikh Daud al-Fatani sebahagian besarnya terdapat dalam simpanan seorang pengumpul kitab-kitab beliau⁸, antaranya adalah seperti berikut :

- 1 **Bughyat al-Talib**
- 2 **Al-Sayd wa al-Dhaba'ih**
- 3 **Al-Bahjat al-Saniyyah**
- 4 **Diya' al-Murid**
- 5 **Sifat Dua Puluh**
- 6 **Bidayah al-Hidayah**
- 7 **Manhal al-Safi**
- 8 **Bisyarat al-Ikhwan**
- 9 **Qisah Nabi Yusuf 'Alaihi al-Salam**
- 10 **Hikayat laki-laki yang Salih**
- 11 **Kaifiyat Khatam al-Qur'an**
- 12 **Mudhakarot al-Ikhwan**
- 13 **Risalah al-Sa'il**
- 14 **Kifayat al-Mubtadi**
- 15 **Idah al-Bab**
- 16 **Kifayat al-Muhtaj**
- 17 **Nahj al-Raghibin**
- 18 **Ghayat al-Taqrif**

- 19 **Bulugh al-Maram**
- 20 **Manasik al-haj wa al-'Umrah**
- 21 **Durr al-Thamin**
- 22 **Kasyf al-Ghummah**
- 23 **Jam'u al-Fawa'id**
- 24 **Minhaj al-'Abidin**
- 25 **Kanz al-Minan**
- 26 **Munyat al-Musalli**
- 27 **Hidayat al-Muta'allim**
- 28 **Ward al-Zawahir**
- 29 **Fath al-Mannan**
- 30 **Jawahir al-Saniyyah**
- 31 **Sullam al-Mubtadi**
- 32 **Furu' al-Masa'il**
- 33 **Bahjat al-Wardiyyah**
- 34 **Muqaddimah al-Kubra** (belum dijumpai)
- 35 **Al-Qarb lillah** (belum dijumpai)
- 36 **Kifayah al-Jawiyyah** (belum dijumpai)

Berdasarkan kepada karya-karya tersebut ternyata Syaikh Daud memberi sumbangan yang begitu besar dalam dunia akademik secara serius. Karya-karya tersebut dikarang dalam masa yang terdekat iaitu sewaktu beliau berada di Mekah. Di samping sikap ketabahan beliau dalam penulisan, beliau sebenarnya mempunyai kedudukan yang tinggi sebagai seorang ulama di kota Mekah. Penghormatan yang diberikan kepada beliau menyebabkan beliau mempunyai kemudahan percetakan sekaligus untuk menyebarkan hasil karyanya. Percetakan al-Amiriyyah dan Isa al-Baby al-Halaby telah membantu penyebaran kitab-kitab Syaikh Daud di Alam Nusantara.

KONSEP AL-TAWHID DALAM ISLAM

Syaikh Daud al-Fatani menjelaskan tauhid sebagai suatu ilmu yang menerangkan beberapa kepercayaan dari segi agama. Beliau seterusnya menerangkan bahawa ia merupakan suatu ilmu yang bertujuan untuk mengesakan Allah dengan mengerjakan ibadat kepadanya. Beriktikad dengan keEsaan, Zat, Sifat dan perbuatan-Nya.⁹

Melihat kepada perkembangan ilmu pengetahuan, konsep tauhid menduduki taraf yang paling tinggi kerana topik perbincangannya adalah mengenai zat Allah dan para rasul.

Dalam konsep Tauhid, para ulama Patani mengemukakan pendapat mereka berasaskan fahaman Asya'irah khususnya berhubung dengan sifat-sifat dua puluh. Perkara utama yang difokaskan disini ialah sifat-sifat wajib, mustahil dan harus bagi Allah s.w.t. Mereka kemudiannya membahagikan perspektif tersebut kepada empat kategori :

- 1 Sifat *nafsiah*
- 2 Sifat *sallbiah*
- 3 Sifat *al-Ma'nawi*
- 4 Sifat *maknawiyah*

Kesemuanya diikuti dengan huraian bagi tiap-tiap keterangan tersebut. Meskipun terdapat usaha-usaha yang dijalankan oleh para pengkaji berhubung dengan masalah Sifat-Sifat Dua Puluh iaitu suatu konsep yang turut dipengaruhi oleh falsafah Greek¹⁰ namun ianya tidak dapat melahirkan suatu suasana yang memberi ruang untuk kebebasan berfikir serta tidak dapat membentuk asas keimanan yang teguh malahan konsep tersebut telah menyebabkan orang berfikir untuk memahaminya secara yang tidak sihat.

Apa yang penting di sini ialah untuk memahami kewujudan Allah adalah dengan merenung alam sebagaimana yang diwahyukan dalam al-Qur'an.

Salah seorang sarjana Prof. Hamka menjelaskan bahawa ajaran sifat dua puluh bukannya menambahkan keyakinan umat sebaliknya menambahkan keraguan malah mengelurukan lagi.¹¹

Walaupun terdapat kajian tentang konsep tersebut, namun Mudasir Rosder menjelaskan konsep sifat dua puluh sambil memertahkannya sebagai suatu akidah umat Islam di dalam bukunya *Asas tauhid: Huraian dan Pertumbuhannya*. Mempunyai asas berdasarkan mafhum ayat-ayat al-Qur'an dan al-hadith.¹²

Lantaran itu perjuangan para sarjana tentang konsep sifat dua puluh merupakan usaha yang dijalankan oleh para ulama khususnya ulama dari Patani untuk memperkukuhkan konsep tersebut samada di dalam al-Qur'an atau al-hadith di samping memperkayakan lagi khazanah pemikiran Islam.

KONSEP SIFAT DUA PULUH

Para ulama dari Fatani telah berusaha bersungguh untuk menerangkan persoalan ini.

Ahmad Zayn al-Fatani telah mengemukakan pendapat al-Asy'ari dengan mengatakan bahawa terdapat 13 sifat Allah yang wajib diketahui dan di imani secara terperinci. Manakala 7 sifat lagi dinamakan sifat *maknawiyah* wajib diketahui secara umum sahaja.

Syaikh Daud pula menegaskan bahawa jika wujud adalah '*ayn* wujud (zat) dan sifat *maknawi* adalah sifat *maknawiyah* maka sifat yang wajib diketahui adalah 12 sifat sahaja.¹³

Secara umumnya, ajaran tersebut dikenali sebagai ajaran Sifat Dua Puluh yang dijadikan sebagai pegangan oleh masyarakat Islam di Nusantara. Sifat Dua Puluh hanyalah sebahagian sahaja daripada sifat-sifat yang wajib bagi Allah.

Syaikh Daud seterusnya membincangkan konsep Sifat Dua Puluh dengan mengemukakan pendapat yang mengakui adanya *hal*. Maka *kawn-hu Qadiran* bukan berasal dari sifat *Qudrah* tetapi ia adalah sifat yang berdiri sendiri yang hanya mempunyai hubungan pada akal sahaja. Ini bermaksud, *Qudrah* dan *Kawn-*

hu Qadiran adalah dua sifat yang berbeza tetapi mempunyai hubungan antara satu sama lain.

Secara umumnya pendapat tersebut adalah lanjutan dan penghuraian daripada pemikiran al-Asy'ari¹⁴ yang pada peringkat permulaannya hanya menetapkan tiga belas (13) sifat Allah yang wajib diimani oleh setiap orang yang beriman.

Perubahan yang berlaku ke atas doktrin ini apabila dua orang daripada golongan al-Asya'irah iaitu al-Baqillani (m. 403 H/1013 M) dan Imam al-Haramyn al-Juwaini (m. 478 H/1085 M) telah menambahkan tujuh (7) lagi sifat kepada Allah sebagai tambahan kepada tiga belas (13) sifat yang sedia ada. Ini menjadikannya berjumlah dua puluh. Justeru itu, sifat-sifat wajib bagi Allah lebih dikenali sebagai Sifat Dua Puluh.¹⁵

Pendapat mereka ini telah di ambil dan dimasukkan oleh al-Sanusi (m.895 H/1490 M) dalam kitabnya *Umm al-Barahin* yang kemudiannya menjadi salah satu kitab yang membentuk struktur pemikiran Islam di Alam Melayu.¹⁶

Sifat Nafsiyah

Menurut Zayn al-Abidin al-fatani, sifat Nafsiyah ialah sesuatu yang tidak dapat diketahui zat-Nya melainkan melalui sifat-Nya. Dalam hal ini tidak boleh digambarkan pada akal tentang zat-Nya melainkan melalui pengenalan sifat nafsiyah itu sendiri.¹⁷

Beliau juga menjelaskan bahawa sifat nafsiyah ialah suatu sifat yang menentukan yang bermaksud tanpa sifat itu maka zat tidak dapat dikenali. Oleh yang demikian sifat nafsiyah dinisbahkan kepada *nafs* iaitu zat.¹⁸

Merujuk kepada sifat nafsiyah, mereka menegaskan bahawa hanya satu sahaja sifat iaitu sifat wujud. Lantaran itu sifat wujud disebutkan terlebih dahulu dari sifat-sifat yang lain.

Syaikh Daud pula mengemukakan pendapat al-Razi (m.606 H/1210 M) berhubung dengan sifat wujud iaitu bukan *'ayn* zat dan juga bukan lain daripada zat-Nya. Justeru itu beliau menegaskan bahawa wajib beriman dengan wujud Allah tanpa perlu membicarakan keadaan wujud itu samada *'ayn* zat atau selainnya dan begitu juga dengan sifat-sifat Allah yang lainnya.¹⁹

Dalam hal ini juga beliau menjelaskan tidak boleh diperkatakan Allah itu *Hia-Hwa* atau *Hia Ghairuh* ataupun mengatakan zat dan sifat itu dua perkara yang berbeza ataupun mengatakan zat dan sifat itu satu. Sebaliknya hendaklah menahan diri daripada membincangkan perkara-perkara tersebut dan menyerahkannya kepada Allah.

Sifat Salbiah

Sifat Salbiyah terdiri daripada lima sifat iaitu *Qidam*, *Baqat*, *Mukhalifatu Ta'ala li al-hawadith*, *Qiyammu-Hu ta'ala bi Nafsih* dan *Wahdaniyyah*. Kesemua sifat tersebut menolak semua yang tidak layak bagi Allah.²⁰

Sifat al-Ma'ani

Menurut ulama Patani, maksud sifat al-ma'ani ialah suatu sifat yang berdiri dengan *mausuf* dan wajib baginya dari segi hukum. Mereka mengemukakan pendapat tersebut dengan mengambil pendapat al-Asy'ari iaitu sifat al-ma'ani terdiri dari tujuh sifat.

Menurut mereka, sifat tersebut adalah *qadim* bagi zat Allah dan dengan sifat inilah Allah menciptakan serta meniadakan sesuatu.

Berbalik pula kepada pemikiran al-Asy'ari berhubung dengan sifat al-ma'ani. Beliau dalam masalah ini menjelaskan bahawa sifat-sifat Allah yang azali merupakan suatu sifat yang *za'id* bersama-sama zat Allah. Justeru itu mereka menetapkan bahawa sifat-sifat tersebut sebagai sifat al-ma'ani.

Menurut al-Syahrastani, al-Asy'ari mengemukakan pendapatnya dengan mengkiaskan atau membandingkan di antara perkara yang tidak dapat dilihat (*al-ghaib*) dengan perkara yang dapat dilihat (*al-Syahid*). Umpamanya, sifat-sifat Allah seperti *Qadir* (berkuasa), *Alim* (berpengetahuan), *Murid* (berkehendak) dan sifat-sifat yang lain. Sifat-sifat tersebut menurut beliau ada yang menciptkannya. Justeru itu beliau mengatakan bahawa Allah s.w.t. adalah '*ilm, qudrah dan iradah*.

Hujah kias al-Asy'ari tersebut tidak mempunyai perbezaan di antara sifat-sifat yang dimiliki oleh manusia dengan apa yang dimiliki oleh Allah s.w.t. Contohnya apabila dikatakan seseorang itu '*alim* maka pengertian sebenarnya ialah seseorang itu mempunyai ilmu pengetahuan. Justeru itu perkara yang sama terdapat pada Allah. Apabila dikatakan Allah s.w.t. '*Alim* sudah pasti Allah mempunyai sifat Ilmu Pengetahuan.

Al-Asy'ari seterusnya mengemukakan alasan dengan membuat beberapa andaian. Andaian tersebut adalah seperti berikut:

Pertama : Allah s.w.t. '*Alim* dengan diri-Nya.

Kedua : Allah s.w.t. '*Alim* dengan ilmu-Nya.

Seandainya Allah '*Alim* dengan diri-Nya maka diri-Nya adalah '*Ilm* . Menurut beliau lagi mustahil '*ilm* itu '*Alim* sedangkan Allah s.w.t. itu '*Alim* . Lantaran itu Allah s.w.t. '*Alim* dengan ilm malahan '*ilm* bukanlah diri-Nya.²¹

Berbalik pula kepada pemikiran ulama Patani, mereka mengakui bahawa sifat-sifat Allah yang azali adalah suatu sifat yang *za'id* dengan zat Allah. Oleh yang demikian pandangan mereka dalam masalah ini adalah selari dengan pandangan al-Asya'irah.

Sifat Ma'nawiyah

Perbincangan mengenai sifat *ma'nawiyah* di dalam persoalan Sifat Dua Puluh adalah lanjutan daripada perbahasan sifat *Ma'ani*. Menurut ulama Patani, sifat *ma'nawiyah* ialah ibarat dari setiap *hal* yang sabit kepada *zat* yang diillahkan dengan *ma'na* yang berdiri dengan *zat*. Sifat-sifat *ma'nawiyah* ialah keadaan

Allah *Qadir*, *Murid*, '*Alim*, *Hay*, *Sami*', *Basir* dan *Mutakallim*. Sifat-sifat tersebut dinamakan sifat *Ma'nawiyah* kerana sifat-sifat tersebut melazimi sifat-sifat *Ma'ani*. Oleh yang demikian *Qadir* lazim daripada sifat *Qudrah*, '*Alim* lazim daripada sifat '*ilm*, *Murid* lazim bagi sifat *Iradah* dan demikianlah berlaku pada sifat-sifat yang lain. Adalah tidak menghairankan sekiranya perbincangan tentang sifat *Ma'nawiyah* adalah sebagai cabang daripada perbahasan sifat *ma'ani* dan sifat *ma'nawiyah* menjadi *ma'lul* (sebab) manakala sifat *ma'ani* menjadi sebab (*illat*) adanya sifat *ma'nawiyah*.

Menurut Zayn al-Abidin terdapatnya *talazum* (saling berkaitan antara satu sama lain) adalah pada gambaran akal sahaja atau hanya pada yang baharu dan tidak terjadi pada Allah, kerana semua sifat Allah tidak ada yang terdahulu dan tidak ada yang terkemudian dan tidak ada saling berkait antara satu sama lain, kerana masing-masing sifat berdiri sendiri.

Menurut beliau lagi, sifat *ma'nawiyah* telah dipersetujui oleh Ahl al-Sunnah dan Muktazilah samada bagi yang mengkui adanya *al-Hal* mahupun yang menolaknya.²²

Secara umumnya, penggunaan nama sifat *Ma'nawiyah* adalah dinisbahkan kepada *ma'ani*, kerana sifat *ma'nawiyah* menjadi cabang daripada sifat *ma'ani*. Sifat *ma'ani* lebih mudah difahami daripada sifat *ma'nawiyah* lantaran sifat *ma'ani* adalah sifat yang *maujud*. Manakala sifat *ma'nawiyah* hanya merupakan sifat yang hanya ditetapkan wujudnya.

Jika ditinjau pemikiran ulama Patani dengan melihat kepada konsep yang terdapat dalam al-Qur'an berhubung dengan sifat-sifat dan zat Allah ataupun konsep al-Tauhid maka al-Qur'an dengan jelas menerangkan Allah s.w.t. bersifat dengan sifat kesempurnaan yang mutlak dan sifat-sifat tersebut adalah banyak. Walau bagaimanapun Allah s.w.t. menjelaskan sebahagian daripada sifat-sifat-Nya kepada manusia menerusi al-Qur'an. Umpamanya "*Allah s.w.t Amat Mendengar dan Maha Mengetahui*"²³ dan firman-Nya lagi "*Maka sesungguhnya Allah s.w.t. adalah Maha Penyayang lagi Maha Berkuasa*"²⁴

Oleh yang demikian sifat-sifat yang terdapat di dalam al-Qur'an adalah jelas menunjukkan kesempurnaan-Nya. Sifat-sifat tersebut memberikan nilai yang lebih tinggi dan lebih besar kerana Allah s.w.t. adalah pencipta segala makhluk.

Allah s.w.t. adalah bebas dari sebarang kecacatan dan kekurangan, bahkan tiada sesuatupun dapat disamakan dengan-Nya. Seandainya perkara ini diletakkan kepada Allah maka pastilah nilai kebesaran dan keagungan Allah akan jatuh pada tahap yang lebih rendah. Allah s.w.t. berfirman: "*Katakanlah Allah adalah satu. Allah menjadi tumpuan segala makhluk untuk memohon sebarang hajat. Dia tidak beranak dan tidak diperanakkan. Dan tiada sesiapa pun yang setara dengan-Nya*"²⁵ Dengan ini jelaslah bahawa sifat kesempurnaan Allah menunjukkan Allah s.w.t. suci dari segala bentuk kekurangan.

Berikut adalah diperturunkan lagi beberapa ayat al-Qur'an berhubung dengan sifat-sifat Allah seperti sifat Amat Mengetahui ('*Alim*), Berkuasa (*Qadir*), Mendengar (*sami*'), Melihat (*Basir*) dan sebagainya :

1 Surah al-An'am (5) : 59 " *Dan di sisi Allah segala kunci perbendaharaan yang ghaib, tidak ada sesiapaupun yang mengetahuinya melainkan Dia. Seterusnya Ia amat Mengetahui apa yang terkandung di daratan mahupun di lautan serta tidak akan gugur sehelai daun melainkan dalam pengetahuannya* "

2 Surah al-Baqarah (2) : 106 " *Sesungguhnya Allah Amat Berkuasa terhadap segala sesuatu* "

3 Surah al-Baqarah (2) : 181 " *Sesungguhnya Allah Amat Mendengar dan Amat Mengetahui* "

4 Surah Fatir (35) : 3 " *Sesungguhnya Allah Amat Mengetahui tentang hamba-Nya serta Melihat dan Memerhatikannya* "

Selain daripada ayat-ayat tersebut terdapat juga beberapa ayat al-Qur'an yang menunjukkan sifat-sifat Allah berbeza daripada makhluk-Nya. Allah s.w.t. berfirman dalam Surah al-Syura' (42) 11 bermaksud : " *Tidak ada sesuatu pun yang setanding dengan-Nya* ", dan juga dalam Surah al-Ikhlash (112) : 4 bermaksud : " *Dan tidak ada sesuatu pun yang setara dengan-Nya* ".

Hakikat makrifat Allah telah pun diperjelaskan oleh Khalifah Ali bin Abi Talib :

"Asas agama ialah ma`rifat-Allah. Untuk menyempurnakan makrifat tersebut hendaklah mentakdiskannya serta mengesakan-Nya dengan segala keikhlasan. Hakikat kesempurnaan dan keikhlasan tersebut ialah menolak segala bentuk sifat-sifat yang keji bagi Allah ataupun sifat-sifat yang berbeza dari zat-Nya.

Allah s.w.t. tidak mempunyai persamaan dengan sesuatu benda yang dapat difikirkan oleh manusia. Begitu juga sifat-sifat yang dapat diletakkan kepada-Nya. Justeru itu barang siapa yang memberikan sifat-sifat kepada Allah nescaya mereka mempercayai sifat-sifat itu sebagai Allah s.w.t. Pegangan ini mengakibatkan bertambah bilangan kepada Allah. Hal yang sebegini adalah mustahil bagi Allah s.w.t."

Berasaskan kepada pendapat tersebut maka jelaslah bahawa sifat dan zat Allah adalah satu dan tidak berbilang-bilang dari sudut mana sekali pun. Sifat Allah bukanlah sesuatu yang lain daripada zat-Nya. Lantaran itu kesempurnaan-kesempurnaan yang ditunjukkan kepada sifat-sifat-nya pada hakikatnya sama dengan zat-Nya.²⁶

Berdasarkan kepada persoalan sifat-sifat tadi, memandangkan para ulama Patani membicarakan persoalan akidah berasaskan ajaran al-Asy'ari atau al-Asya'irah maka hasilnya sifat-sifat Allah adalah berbeza daripada zat. Ini akan memberikan kepada dua alternatif iaitu :

- 1 Sifat-sifat tersebut telah ada pada Allah semenjak azali lagi atau
- 2 Sifat-sifat tersebut baru muncul selepas kewujudannya.

Seandainya sifat-sifat tersebut telah wujud semenjak azali, sudah tentu setiap perkara yang berkaitan dengan sifat-sifat tersebut akan kekal, sepertimana kekalnya sifat-sifat tersebut. Kemudian ia berkongsi dengan Allah s.w.t. melalui kekekalannya. Walau bagaimanapun Allah s.w.t. sempurna dari segala bentuk penyekutuan. Buktinya Firman Allah s.w.t dalam Surah al-Taubah (9) : 31 “ *maha Suci Allah dari apa yang mereka persekutukan-Nya* ”

Manakala sekiranya sifat-sifat tersebut kekal (*qadim*) sepertimana zat-Nya maka sewajarnya mempercayai bahawa Allah s.w.t. mempunyai bilangan. Sebaliknya Allah s.w.t. adalah tunggal dalam semua aspek samada sifat mahupun zat. Dalilnya dalam Surah al-Ikhlâs (112) : 1-4 “ *Allah s.w.t. adalah satu. Allah juga sebagai tempat pergantungan. Dia tidak beranak dan tidak diperanakkan dan tidak ada sesuatu pun yang setanding dengan-Nya* ”

Apabila sifat-sifat tersebut baru muncul selepas kewujudan-Nya, sudah tentu akan menunjukkan bahawa Allah tidak mempunyai sifat semenjak kewujudan-Nya. Contohnya : Sebelum Allah s.w.t. memiliki sifat ‘ilm Allah s.w.t. berada dalam keadaan tidak Mengetahui. Perkara yang sama di dapati pada sifat-sifat yang lain seperti Berkuasa, Melihat dan Mendengar. Pengertian yang sebegini adalah bertentangan dengan kesucian Allah s.w.t. serta menunjukkan ia tidak sempurna.

Oleh yang demikian sifat-sifat Allah s.w.t. sudah semestinya tidak dapat dipisahkan daripada zat kerana zat Allah meliputi sifat-sifat-Nya. Manakala sifat-sifat-Nya juga bererti zat Allah s.w.t. Disinilah letaknya hakikat makrifat Allah samada melalui zat ataupun sifat. Lantaran itu Allah s.w.t. adalah bersih dari segala bentuk kekurangan ataupun kecacatan. Seandainya dikatakan Allah mempunyai Pengetahuan maka Pengetahuan-Nya tidak boleh disamakan dengan makhluk.

Sebagai kesimpulannya, dapatlah dirumuskan bahawa kedudukan tauhid sebagai asas dalam Islam tidak pernah dipersoalkan oleh para ulama samada ulama zaman silam ataupun ulama zaman sekarang. Mereka kebanyakan menerima terus tanpa mempersoalkan apa dan mengapa. Perbincangan tersebut banyak dipengaruhi oleh pemikiran al-Asya'irah. Al-Sanusi dalam kitabnya *Umm al-Barahin* banyak menjelas dan menghuraikan konsep Sifat Dua Puluh yang akhirnya menjadi asas dalam akidah umat Islam.

Sehubungan dengan ini penulisan dan kajian dalam bidang tauhid agak terkebelakang jika dibandingkan dengan bidang-bidang yang lain.

Satu perkara yang patut dibanggakan ialah sumbangan para ulama Nusantara khususnya ulama dari Patani dalam perkembangan pengajian Islam adalah sangat ketara dan patut diketengahkan. Di samping itu ia merupakan sebuah khazanah ilmu pengetahuan dalam usaha penyebaran dan pengukuhan akidah Islamiyyah di Nusantara.

NOTAHUJUNG

* Kertas kerja ini dibentangkan dalam “Seminar Nadwah Ulama Nusantara I : Peranan dan Sumbangan Ulama Patani”, Anjuran Universiti Kebangsaan Malaysia, bertempat di Universiti Prince Of Songkla, Thailand pada 19-20 Mei 2001.

- 1 Lihat Mahyudin Yahya , **Islam di Alam Melayu**, hlm. 62-63.
- 2 Untuk mengetahui senarai manuskrip-manuskrip Islam di Nusantara dalam pelbagai bidang keilmuan serta spesifikasinya lihat Engku Ibrahim Engku Ismail dan Osman Bakar, **Bibliografi Manuskrip Islam Di Muzium Islam Malaysia**. Menurut M. Van Bruinessen, terdapat lebih kurang 500 karya yang dihasilkan oleh para ulama silam (tradisional) terdapat dipasaran. 100 kitab ditulis dalam bahasa Arab, 200 kitab dalam bahasa Melayu/Jawi, manakala lebih 150 buah kitab dalam bahasa Jawa, selebihnya dalam bahasa Sunda, Madura dan Aceh. M. van Bruinessen, **Kitab Kuning, Pesantren dan Tarikat : Tradisi-Tradisi Islam di Indonesia**, hlm 20.
- 3 Virginia Matherson dan M.B. Hokker, “Jawi Literature in Patani: The Maintenance of An Islamic Tradition” dalam **JMBRAS**, LXI, 1 (1988) hlm. 4.
- 4 M.B. Hokker, Op. Cit, hlm. 1.
- 5 Ibid., hlm 4.
- 6 M.V.Bruinnesen, Op. Cit.
- 7 Mohd Noor Ngah, **KitabJawi, Islamic Thought Of The Malay Muslim Scholar**, hlm 6.
- 8 Wan Muhamad Shaghbir Abdullah, seorang pengarang yang banyak menulis buku-buku mengenai tokoh-tokoh agama dari Patani. Antara tulisan beliau ialah **Syaikh Daud bin Abdullah al-Fatani: Ulama Dan Pengarang Terulung Asia Tenggara**, Hizbi, Selangor, 1990.
- 9 Syaikh Daud, **Al-Durr al-Thamin**, hlm. 4.
- 10 Lihat Snouck Hurgronje, **Mekka In The Letter Part of the 19th Century : Daily Life, Customs and Learning-The Muslim of the East-Indian Archipelago**, hlm. 194.
- 11 Hamka, **Prinsip dan Kebijaksanaan Dakwah Islam**.
- 12 Mudasir Rosder, **Asas Tauhid: Huraian dan Pertumbuhannya**, hlm. 161-202.
- 13 Syaikh Daud, **al-Durr al-Thamin**, hlm. 19.
- 14 Lihat Ahmad Zuhdi Ismail, “Konsep sifat-sifat Allah” dalam **Jurnal Usuluddin** , 1998.
- 15 Mohd Noor Ngah, **Kitab Jawi**, hlm 10.

- 16 Omar Awang, **Nusantara**, No 2 Julai, hlm. 157-168.
- 17 Zayn al-Abidin al-Fatani, **Aqidah al-Najin**, hlm. 23.
- 18 Ahmad b. Muhammad Zayn al-Fatani, **Faraid al-Fara'id**, hlm. 10; Syaikh Daud, **al-Durr al-Thamin**, hlm.20.
- 19 Syaikh Daud, **Aqidah al-Najin**, hlm. 17.
- 20 Syaikh Daud, **Ibid.**, hlm. 23, Muhamad Zayn al-Fatani, **Faraid al-Faraid**, hlm. 5.
- 21 Lihat al-Asy'ari, **al-Luma**, hlm. 30 : al-Syahrastani, **al-Milal wa al-Nihal** hlm 95, **Nihayat al-Iqdam**, hlm. 20.
- 22 Zayn al-Abidin, **Op. Cit.**, hlm. 36.
- 23 Al-Qur'an, Surah al-Baqarah (2) : 224.
- 24 Al-Qur'an, Surah al-Nisa' (4) : 149.
- 25 Al-Qur'an, Surah al-Ikhlash (112): 1-4.
- 26 Lihat Ibn Abi al-Hadid, **Syarah Nahj al-Balaghah**, XVI, hlm. 77.